

## **Produktiviti Buruh Menjana Pertumbuhan Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Mengikut apa yang diajar di dalam mata pelajaran asas ekonomi faktor pengeluaran terdiri dari tanah, buruh, modal dan keusahawanan. Ini bermakna, pengeluaran boleh dilakukan dengan menggabungkan faktor-faktor pengeluaran tersebut. Biasanya faktor-faktor ini boleh dipermudahkan lagi dengan mengambil kira buruh dan modal. Tanah juga boleh digabungkan dengan modal. Manakala, keusahawanan merupakan kreativiti atau kebijaksanaan pengusaha atau pengeluar untuk membuat pengeluaran dengan menggabungkan modal dan buruh.

Pembangunan ekonomi pada peringkat awal, di mana negara pada ketika itu merupakan sebuah ekonomi kurang membangun, mudah dilakukan dengan pengumpulan modal. Tenaga buruh pada ketika itu terdapat dengan banyak. Kebanyakan penduduk tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Pengumpulan modal membolehkan pembinaan infrastruktur serta peningkatan mekanisasi dan teknologi di dalam ekonomi. Maka proses pengeluaran meningkat dan mampu mencipta peluang pekerjaan untuk tenaga kerja.

Pembangunan ekonomi mudah dilakukan dengan peningkatan skala pengeluaran. Ini dilakukan dengan meningkatkan modal dan buruh. Namun demikian, model ini akan sampai ke suatu tahap di mana penambahan modal dan buruh menemui limitnya. Apabila sampai ke tahap ini, tambahan buruh semata-mata tidak mampu meningkatkan pengeluaran.

Peningkatan teknologi adalah penting untuk memastikan kemapanan proses pengeluaran negara. Walau bagaimanapun, peningkatan teknologi perlu berlaku serentak dengan peningkatan pekerja mahir. Jika tidak, para pekerja tiada kemahiran untuk menggunakan teknologi. Berdasarkan prinsip ini, peningkatan modal insan

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

mestilah berlaku serentak dengan pengumpulan modal fizikal untuk memastikan proses pembangunan tidak terbantut.

Pembentukan pekerja mahir atau penambahbaikan modal insan adalah penting untuk meningkatkan produktiviti buruh. Peningkatan produktiviti buruh merupakan sumber terpenting untuk pertumbuhan ekonomi, di samping peningkatan teknologi, bagi sebuah ekonomi seperti Malaysia yang berada diambang negara berpendapatan tinggi. Pertumbuhan produktiviti hanya mampu dicapai melalui sistem pendidikan dan latihan yang baik. Di manakah kedudukan Malaysia dari segi produktiviti buruh?

Malaysia mempunyai tahap produktiviti buruh yang agak tinggi di kalangan negara ASEAN, cuma di belakang Singapura. Mengikut *Malaysia Productivity Corporation* (MPC), tahap produktiviti buruh Malaysia untuk tahun 2015, diukur dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) untuk setiap pekerja, adalah RM75,538. Untuk perbandingan antara negara, nilai ini di tukar kepada nilai dolar Amerika (USD) berdasarkan pariti kuasa beli. Mengikut ukuran ini nilai produktiviti buruh untuk Malaysia adalah USD26,761. Sebagai perbandingan nilai produktiviti buruh untuk Amerika yang berkedudukan pertama di dunia adalah USD70,598. Manakala Singapura yang berkedudukan kesembilan di dunia mempunyai tahap produktiviti buruh USD52,665.

Tahap produktiviti buruh Malaysia ini agak baik berbanding dengan lain-lain negara Asia. Terima kasih kepada tahap pendidikan yang agak baik. Namun, kedudukan tahap produktiviti buruh negara telah menurun dari kedudukan ke 45 di dunia pada tahun 2000, ke 46 pada tahun 2005 dan seterusnya ke kedudukan ke 47 pada tahun 2015. Berbanding dengan kedudukan Singapura yang meningkat dari kedudukan ke 19 pada tahun 2000 kepada kedudukan kesembilan pada 2015. Malah, kedudukan kebanyakan rakan dagang utama Malaysia seperti China, Korea, Australia dan Taiwan menunjukkan peningkatan untuk tempoh yang sama. Isu ini perlu diberi perhatian yang serius kerana pertumbuhan produktiviti adalah amat penting untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Selari dengan itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tempoh Rancangan Malaysia ke10 (RMK10) lebih banyak disumbangkan oleh pertumbuhan pekerjaan yang tumbuh

dengan 3.41% berbanding dengan pertumbuhan produktiviti yang tumbuh dengan kadar yang lebih rendah, 1.82%. Berbeza dengan tempoh Rancangan Malaysia ke9 (RMK9) di mana pertumbuhan ekonomi lebih disumbangkan oleh pertumbuhan produktiviti (2.67%) berbanding dengan pertumbuhan pekerjaan (1.85%). Ini bermakna peningkatan kemahiran buruh tidak seimbang dengan keperluan teknologi untuk memacu kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Lumrahnya, persoalan akan tertumpu kepada keberkesanan sistem pendidikan dan latihan kita untuk membentuk kemahiran yang diperlukan oleh ekonomi. Jumlah pelajar dikeluarkan oleh universiti dan lain-lain institusi pendidikan tinggi serta pencapaian pelajar di dalam peperiksaan awam bukan merupakan ukuran sebenar untuk menilai keberkesanan pendidikan. Pencapaian hasil pembelajaran oleh pelajar adalah jauh lebih penting. Pencapaian ini akan diterjemahkan kepada tahap kemahiran yang dimiliki yang mana penilaiannya hanya mampu di nilai oleh majikan.

Dari sudut kemudahan persekolahan, kadar kemasukan, kewangan dan seumpamanya, Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang memuaskan. Begitu juga dari segi pencapaian keputusan peperiksaan awam, sering menunjukkan keputusan yang baik. Namun, keputusan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Program for International Student Assessment – PISA) untuk 2012 menyaksikan 52% pelajar-pelajar Malaysia gagal mencapai tahap 2. Malahan, pencapaian pelajar-pelajar Vietnam jauh lebih baik dari Malaysia di mana cuma 8% pelajar gagal mencapai tahap 2. Ini bermakna 52% pelajar Malaysia yang menamatkan pelajaran pada peringkat menengah rendah belum bersedia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau memasuki pasaran buruh. Manakala, keputusan PISA 2015 menunjukkan Singapura berada di kedudukan pertama di dunia, sedangkan keputusan untuk Malaysia tidak disenaraikan.

Satu perkara lagi yang bertanggungjawab memperlahankan pertumbuhan produktiviti buruh di Malaysia adalah kebergantungan kepada buruh asing. Terlampau ramai buruh asing yang berkemahiran rendah menyekat pertumbuhan kemahiran warga kerja tempatan. Oleh yang demikian kebergantungan kepada buruh asing kurang mahir perlu diminimumkan melalui peningkatan tahap teknologi. Gaji minimum yang

diperkenalkan oleh kerajaan lama kelamaan dijangka mampu mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

Penambahbaikan sistem pendidikan dan latihan adalah amat penting untuk pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Kesannya adalah memakan masa yang lama. Sistem pendidikan sebelum ini mampu menyediakan tenaga kerja semasa era pertumbuhan ekonomi tinggi. Namun kekurangan kedinamikan sistem pendidikan dan latihan kita, menyebabkan ianya tidak mampu menyediakan tenaga kerja mengikut kehendak pasaran. Isu ini perlu ditangani sebaik mungkin untuk memastikan kemapanan pertumbuhan ekonomi.